

The Store sumbang RM113,000 bantu pesakit kanser kanak-kanak UMMC

BANTU. Kumpulan The Store menyerahkan sumbangan cek bernilai RM113,000 kepada Pusat Perubatan Universiti Malaya (UMMC) sempena kempen 'Hope for Children Cancer' pada satu majlis yang berlangsung di Sungai Buloh, Selangor semalam.

Pengurus Besar Kanan Operasi Kumpulan The Store, Winky Pek berkata, kempen kebajikan itu berlangsung pada 15

Oktober 2018 hingga 31 Mac lalu untuk membantu pesakit kanser kanak-kanak UMMC.

"Sepanjang kempen ini berlangsung, kita telah sediakan tabung derma di setiap cawangan The Store seluruh negara bagi membantu meringankan beban keluarga kanak-kanak menghidap kanser," katanya ketika merasmikan

majlis berbuka puasa bersama komuniti Yayasan MyKasih di Market Place by The Store, SB Mall, semalam.

Pada majlis itu, kumpulan The Store turut melancarkan program Bantuan Makanan MyKasih dengan kerjasama Yayasan MyKasih yang berlangsung bermula 1 April sehingga 30 September nanti.



WINKY (tiga dari kiri) bersama Duta Kumpulan The Store, Adibah Noor (tengah) menyampaikan sumbangan duit raya kepada sebahagian komuniti Yayasan MyKasih dalam program yang berlangsung di Sungai Buloh semalam.